



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KERATAN AKHBAR 2 DISEMBER 2017

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ISU : LARANGAN PEKERJA HOTEL BERTUDUNG

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	02.12.2017 Sabtu	SINAR HARIAN Hotel diberi notis	Nasional 13	JTK

Hotel diberi notis

SHAHIZATUL FARHA S ROSLI

ISKANDAR PUTERI - Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Johor mendapati empat dari pada 15 hotel bertaraf tiga hingga lima bintang yang diperiksa mengenakan larangan memakai tudung terhadap kakitangan Islam di bahagian perkhidmatan pelanggan (front desk).

Exco Perpaduan dan Sumber Manusia Johor, R Vidyanathan berkata, majikan bagi empat hotel berkenaan sudah diberikan nasihat sewajarnya dan notis pematuhan akan dikeluarkan sekiranya masih meneruskan larangan berkenaan.



VIDYANATHAN

Menurutnya, jika ada kakitangan yang menjadi mangsa sebarang tindakan atau kes diskriminasi boleh membuat aduan di pejabat cawangan JTK supaya tindakan lanjut dapat diambil ke atas majikan.

"24 November lalu, JTK menjalankan pemeriksaan berkanun di 15 hotel sekitar daerah Johor Bahru.

"11 daripadanya membenarkan pemakaian tudung terhadap kakitangan di bahagian perkhidmatan pelanggan dan empat lagi hotel mengenakan larangan," katanya ketika ucapan perbahasan Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor ke-13, kelmarin.

Vidyanathan berkata, kerajaan negeri menerusi Unit Swadaya Insan Johor memandang serius perkara berkenaan dan akan mengambil kira isu itu di dalam dasar pengambilan pekerja tempatan yang kini dalam peringkat pelaksanaan.

ISU LARANGAN BERTUDUNG

ISU : ANTI DISKRIMINASI DI TEMPAT KERJA

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	02.12.2017 Sabtu	SINAR HARIAN Hotel diberi notis	Interaktif 51	JTK JPP

SURAT PEMBACA

Wujudkan undang-undang anti diskriminasi di tempat kerja

CADANGAN beberapa pihak untuk mewujudkan satu akta khas tangani masalah diskriminasi di tempat kerja perlu dilihat secara positif dan perlukan sokongan semua pihak. Ia dilihat penting kerana dapat memberi hak, pada masa sama melindungi para pekerja, baik di sektor kerajaan mahupun swasta daripada sebarang bentuk diskriminasi.

Isu berkaitan diskriminasi menjadi polemik semula selepas beberapa rangkaian hotel antarabangsa melarang pekerja wanita beragama Islam di bahagian khidmat pelanggan (kaunter hadapan) memakai tudung.

Kita perlu ketahui diskriminasi di tempat kerja bukan sahaja berkaitan pemakaian tudung, tetapi berlaku juga dalam banyak perkara seperti diskriminasi dari segi gender, aspek agama atau kepercayaan, bangsa, warna kulit dan keturunan, umur, layanan terhadap OKU dan sebagainya.

Diskriminasi di tempat kerja akan menghasilkan impak negatif bukan sahaja terhadap diri pekerja, malah turut menjejaskan reputasi dan produktiviti jabatan atau syarikat terlibat. Walaupun kita memiliki pelbagai jenis peruntukan undang-undang berkaitan pekerjaan seperti Akta Kerja 1955 [Akta 265] dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177], namun ia dilihat tidak memadai bagi memberi perlindungan secukupnya terhadap isu ini.

Sejajar Artikel 8 (2) Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan bahawa, "Kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubung pemerolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubung dengan penubuhan atau perjalanan atau apa-apa pertukangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan".

Maka, cadangan bagi mewujudkan satu akta lebih khusus dan komprehensif bagi membendung diskriminasi di tempat kerja wajar diberi pertimbangan.

Dengan adanya undang-undang khusus terhadap isu tersebut, sebarang aduan dapat disiasat dengan lebih efektif serta terperinci. Ia juga dapat memberi isyarat yang jelas kepada semua pihak bahawa diskriminasi di tempat kerja tidak boleh dipandang ringan malah perlu diatasi segera. Sudah sampai masanya untuk Malaysia memiliki akta khusus berkaitan diskriminasi di tempat kerja.

- **Kiriman: Dr Muzaffar Syah Mallow, Pensyarah Kanan, FSU, Usim**